



KOPI PAHIT

Dr. Haji Muhammad Nur bin Haji Mara Hakim telah memuji Hamka kerana keberaniannya mengharuskan hukum mengadakan tabung mata. Perkara berani, tuan Doktor banyak orang berani, tetapi orang tidak memandang beraninya. Orang menghendaki huraiannya. Itu puji-memuji tidak perlu terutamanya kalau yang dipuji orang dawak¹ sendiri – Heh! Heh! Heh!

*

En. Khir Johari telah menyebut berkenaan dengan bahayanya buku-buku seks dibaca oleh kanak-kanak di dalam bangku sekolah yaitu dengan adanya kutubkhanah sekolah-sekolah. En. Khir seolah-olah menukar ayam terbang siang kerana hampir semua penerbit-penerbit sekarang asyik dengan buku seks sahaja sehingga di antara ada yang tidak berbatas sedang kerajaan Malaysia tidak bertindak mengharamkannya. Kalau dah begini terbiar apalah gunanya dibunyikan lagi, tetapi kalau benar-benar memang mahu mendidik, terutamanya anak-anak Melayu yang beragama Islam, kan patutnya kerajaan mengadakan “subsidi” kepada orang-orang atau penerbit-penerbit yang boleh membuat khidmat mengadakan buku-buku yang berguna – kalau hanya berharap sahaja dengan tidak dibantu – dah – payahlah! Apa lagi hendak menerbitkan buku-buku agama yang dibilangkan “telah usang” bahasanya. Ini kan boleh kalau mau? Kerana tidak ada ertinya mendirikan masjid dibantu sedang usaha-usaha

mengadakan pengisi masjid tidak digalakkan! Dunia! Dunia!

*

Persoalan tabung mata telah jadi ribut di dalam surat khabar-surat khabar kita. Ada yang mengharuskan dan ada yang mengharamkan sedang Menteri Kesihatan, En. Bahaman, jalan terus atas rancangannya. Di dalam soalan ini banyak yang memberi fikiran – sekali lagi fikiran dan pendapat ada yang ringkas dan ada yang panjang dengan mengambil kias-kias yang di antaranya nampaknya tidak kena mengena dengan perkara yang disebutkan. Mengapa begini? Orang tentu bertanya. Jawabnya tidak lain kerana masing-masing membawa fikiran tetapi tidak menghuraikan masalahnya. Sepatutnya masalahnya dibentangkan, kemudian baharu dikaji sifat masalah itu dengan perkaitannya kepada hukum agama. Dengan penyelidikan yang baik begini baharu terhurai. Kalau main fatwa dengan tidak menghuraikan masalahnya tentu sampai Kiamat tidak akan habis pertentangan dan perbahasan. Yang rugi? Orang awam! Kasihan!

*

En. Khir Johari menyatakan bahawa selama beliau menjadi Menteri Pelajaran, dah dua kali, banyak hal-hal yang berlaku menentang beliau. Ubatnya senang sahaja – koreksi keadaan dan diri dan siasat halus-halus tentu tahu sebab-sebabnya kalau tidak tentunya kelak sebabnya orang sahaja yang bersalah – kan begitu lebih baik?

Dunia, ya dunia! mengapa??? Orang kulit putih Amerika dahulu seksa dan bunuh orang-orang kulit hitam –Nekro². Mereka dipandang sebagai hamba abdi, sekandang tak sebau – tak boleh duduk sesama-sama. Mereka dipandang hina tetapi, ya ada tetapinya, kan mereka manusia. Mereka boleh belajar. Mereka diminta berjuang untuk negara dan seterusnya, tetapi mereka masih dipandang rendah! Akhirnya, ya dunia. orang Nekro³ bikin rusuhan dan kekacauan - yang berakhir mereka menuntut supaya Amerika dibelah dua - sebahagian diperintah oleh yang berkulit putih dan sebahagian oleh yang berkulit hitam. Perjuangan tentunya terus. Yang menghairankan ini berlaku sesudah “Bapa Emas Yahudi” itu menegakkan dan menyokong Israel. Kalau begitu apa orang Islam pandang – keadilan Ilahi.

*

Keadilan Ilahi! Orang-orang Kanada berperi-peri sokong Yahudi di negara Arab. Negaranya luas dan subur ia tidak mahu dirikan negara Israel di sana tetapi sesudah Jeneral de Gaulle datang ke sana maka orang-orang di Quebec mahukan orang-orang yang bercakap Perancis di sana memerintah sendiri – dunia ya dunia!

*

Rajaratnam dikatakan bilang penduduk Singapura yang dua *million* orang kalau bersatu dan bersefahaman boleh menghadapi dua ratus *million* orang. Ia tak ya, orang Yahudi dua *million* orang boleh mengalahkan orang-orang Arab yang banyak berkelengkapan lebih banyak daripada Israel - begitulah kononnya. Eh! Eh! tau sama taulah!

- Cemeti al-Farouk.

¹ Seerti dengan kerasukan (Dewan Bahasa dan Pustaka).

² Perkataan sebenarnya adalah Negro

³ Perkataan sebenarnya adalah Negro.